




SinarProject  
hacking democracy

# TAKSIRAN KEWARTAWANAN DATA DI MALAYSIA

Kewartawanan Data di  
Dalam Persekutuan yang  
Terhad

LICENSING

Disseminated under Creative Commons Attribution 4.0 International  
License (CC-BY-4.0) (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)



# Penghargaan

Sinar Project dan Internews ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr. Yusminar Yunus dan pasukan Global Data Barometer kerana menjadi sumber di dalam penyediaan kajian dan penambahan data sektoral yang terkini untuk Malaysia. Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada wartawan-wartawan Malaysia yang terlibat di dalam kajian kes kami iaitu Aidila Razak, Yao-Hua Law dan Ida Lim kerana telah berkongsi artikel-artikel kewartawanan data mereka serta pengalaman dan pandangan berharga mereka. Kami juga menghargai Kuek Ser Kuang Keng dari DataN dan peserta-peserta bengkel Kewartawanan Data dan Kewartawanan Penyiasatan anjuran Internews yang telah menempuh cabaran untuk memperolehi data bagi artikel-artikel mereka yang turut membantu kami untuk menghasilkan panduan bagi tujuan laporan ini. Kami juga berterima kasih kepada James McKinney di atas kewujudan Poplo, CoST - Inisiatif Ketelusan Infrastruktur dan Kerjasama Pengontrakran Terbuka di atas pembangunan standard data dan panduan yang mereka hasilkan kerana ia telah memudahkan proses pengumpulan data dan penghasilan laporan bagi kegunaan orang ramai, projek infrastruktur dan proses perolehan.

Akhir sekali, kami ingin memberikan penghargaan kepada semua individu-individu dan organisasi-organisasi yang telah menghasilkan kajian dan kerja-kerja terdahulu yang turut menyumbang serta membantu kami untuk mendalami topik kewartawanan data dan memahami lanskap media dengan lebih terperinci semasa penghasilan laporan ini.

Penulis  
Khairil Yusof

Rakan Kerja Kolaboratif – Sinar Project  
Penyelaras-penyelaras– Nadiah Rosli, Nurulnabillah Ahmad Hijazu (Internews)  
Pengulas- Eva Constantaras (Internews)

Pereka Grafik– Victor Andin  
Pembaca Pruf dan Penterjemah BM – Farah Draim

Untuk maklumat lanjut:  
[www.sinarproject.org](http://www.sinarproject.org)  
[www.internews.org](http://www.internews.org)

# Isi Kandungan

<b>Rumusan</b>	<b>5</b>
<b>Perkara-perkara Utama/Hasil Taksiran</b>	<b>5</b>
<b>Rumusan Hasil Taksiran</b>	<b>5</b>
<b>Keadaan Terkini Data Terbuka dan Kewartawanan Data di Malaysia</b>	<b>6</b>
Ketersediaan Data Terbuka yang Terhad	6
Tiada Hak ke Atas Informasi	7
Kekangan Terhadap Kebebasan Media dan Kebebasan Bersuara	9
Ketersediaan Data dan Sumber-Sumber	9
Secara Am	10
Demografik	11
Maklumat Syarikat	11
Jenayah	11
Pengangkutan	11
Data Pilihan Raya dan Perundangan	12
Tanah	12
Integriti Politik	12
Kewangan Awam	12
Tindakan Iklim dan Alam Sekitar	13
Kesihatan & COVID-19	14
Perdagangan Antarabangsa	14
<b>Kajian Kes</b>	<b>15</b>
Kajian Kes 1 - Penjejak COVID-19 Kini News Lab	15
Wartawan/Organisasi	15
Penerangan	15
Cabaran-cabaran	15
Methodologi dan Impak	16
Sumber-sumber Data / Data yang Dijanakan	17
Kajian Kes 2 - Perkahwinan Bawah Umur di Malaysia	18
Wartawan/Organisasi	18
Penerangan	18
Cabaran-cabaran	18
Metodologi dan Impak	19
Sumber Data / Data yang Dijana	20

<b>Kajian Kes 3 - Menilai Pengurusan Hutan di Semenanjung Malaysia</b>	<b>21</b>
Wartawan/Organisasi	21
Penerangan	22
Cabaran-cabaran	22
Metodologi dan Teknik-teknik	22
Sumber Data / Data yang Dijana	23
<b>Kajian Kes 4 - Individu yang Terdedah Secara Politikal, Pengkontrakkan</b>	<b>24</b>
Wartawan/Organisasi	24
Penerangan	24
Cabaran-cabaran	24
Metodologi dan Teknik-Teknik	25
Sumber-sumber Data / Data yang Dijanakan	26
<b>Amalan Terbaik di dalam Kewartawanan Data di dalam Persekutuan yang Terhad</b>	<b>27</b>
Menyusun Struktur Data Dengan Standard dan Hipotesis Data Terbuka	27
Contoh: Gangguan Bekalan Air	27
Standard Data Terbuka - Data Pilihan Raya	28
Standard Data Terbuka - Infrastruktur and Perolehan	30
Membuat Carian Melalui Dokumen dan Laman Web Kerajaan	33
Dokumen-dokumen Kerajaan	33
Laporan-laporan Kerajaan	33
Suruhanjaya Sekuriti	34
Sumber Kewartawanan Penyiasatan	34
<b>Biodata Penulis</b>	<b>35</b>
<b>Nota Penghujung</b>	<b>36</b>

## Perkara-perkara Utama/Hasil Taksiran



Kekurangan data terbuka yang berkualiti dan butiran terperinci (granular).



Persekuturan perundangan yang menyekat hak untuk memperoleh informasi dan kebebasan bersuara menjadikannya sukar untuk mendapat akses ke data sejurusnya mendedahkan wartawan dan sumber mereka kepada risiko penahanan serta hukuman.



Wartawan-wartawan Malaysia telah menggunakan kaedah-kaedah inovatif bagi mencari sumber dan menjana set data mereka sendiri untuk menjayakan kewartawanan data walaupun terpaksa menghadapi pelbagai cabaran.

## Rumusan Hasil Taksiran

Ketersediaan data terbuka bagi semua sektor di Malaysia adalah sangat terhad, ini menimbulkan keadaan yang sukar dan mencabar bagi ramai wartawan di Malaysia yang ingin melakukan kewartawanan data. Data terbuka yang ada pun seringnya tidak terperinci dan tidak lengkap. Sebelum menulis sebuah artikel, kemungkinan wartawan tersebut memperolehi data set besar yang berkualiti untuk digunakan bagi menjana artikel berdasarkan data adalah sangat tipis. Walaupun terdapat data yang tersedia, data ini selalunya terbahagi dan berselerak, serta perlu dipetik daripada beberapa sumber tempatan dan antarabangsa, yang sering disampaikan secara tidak berstruktur di dalam bentuk dokumen-dokumen dan infografik-infografik.

Wartawan turut menghadapi pelbagai sekatan undang-undang untuk mendapatkan data, ini semakin dirumitkan pula oleh keadaan perundangan negara yang tidak mempraktikkan undang-undang Hak ke Atas Informasi, ditambahkan pula oleh Akta Rahsia Rasmi Negara yang meliputi definisi yang terlalu luas serta penguatkuasaan sekatan jenayah berat yang membawa hukuman penjara sehingga setahun untuk pegawai awam yang berkongsi maklumat dengan pihak luar, walaupun maklumat yang dikongsikan tidak dikategorikan sebagai rahsia negara. Setelah mencetak sebuah artikel, wartawan berisiko untuk menghadapi cabaran-cabaran yang lain kerana undang-undang yang sedia ada mempunyai definisi yang terlalu luas sehingga membolehkan pihak berkuasa menyekat kebebasan bersuara bagi media di atas talian dan juga media cetak.

Walaupun menghadapi pelbagai cabaran, wartawan di Malaysia telah berjaya menggunakan kaedah inovatif untuk memperolehi dan menjana data yang diperlukan bagi menghasilkan kewartawanan data yang mampu untuk meraih anugerah di samping membincangkan isu-isu seperti COVID-19 serta penyahhutanan. Ini termasuk mencipta struktur data mereka tersendiri di dalam *spreadsheet*, serta mempopulasikannya daripada pelbagai sumber. Mereka juga menjadi sumber data yang penting bagi orang awam, adakalanya selepas artikel berdasarkan data tersebut telah lama diterbitkan.

Persekuturan sukar ini mengaburi sempadan antara kewiasatan dan kewartawanan data. Di samping menjadi salah satu sumber data bagi bahan rujukan, laporan ini turut berkongsi beberapa contoh kajian kes yang menggunakan kewartawanan data untuk mengupas topik yang berkaitan dengan alam sekitar, hak asasi dan anti-korupsi, bersama teknik dan cara untuk memudahkan pencarian dan perolehan sumber data yang diperlukan bagi menjayakan kewartawanan data di Malaysia.

# Keadaan Terkini Data Terbuka dan Kewartawanan Data di Malaysia

Terbuka tanpa Kebebasan



Ketersediaan Data yang Lemah



Tiada Hak ke Atas Informasi



Sekatan Terhadap Kebebasan Media dan Kebebasan Bersuara

## Ketersediaan Data Terbuka yang Terhad



Barometer Data Terbuka 2016

Kerajaan Malaysia telah memperkenalkan inisiatif bagi data terbuka sejak 2015, ini termasuk penyediaan portal data kerajaan berpusat iaitu [portal.data.gov.my](http://portal.data.gov.my), pekeliling kerajaan yang memberikan panduan tentang keperluan untuk data terbuka<sup>1</sup> serta lesen standard bagi agensi kerajaan untuk penerbitan data terbuka. Ini telah digantikan oleh arahan yang dikeluarkan pada 2021, yang memberikan panduan lebih terperinci mengenai penerbitan data terbuka, termasuk cara-cara untuk memohon data terbuka sesama agensi kerajaan.<sup>2</sup> Sejak 2021, portal ini telah menerbitkan 12 ribu set data daripada 394 agensi dan jabatan.<sup>3</sup> Laman-laman web kerajaan juga sering menampilkan penafian standard dan pernyataan mengenai data terbuka di laman web mereka.

Bancian mengenai data terbuka daripada Barometer Data Terbuka (2016)<sup>4</sup> dan Indeks Data Terbuka Global (2015)<sup>5</sup>, telah mengenalpasti bahawa ketersediaan data yang berkualiti dan terperinci untuk beberapa sektor kerajaan yang penting adalah sangat lemah. Sektor seperti alam sekitar dan kesihatan, topik-topik yang ingin diterokai oleh wartawan-wartawan Malaysia yang menghadiri bengkel kewartawanan data mempunyai kualiti yang teruk dari segi ketersediaan.

Kumpulan penyelidik dan masyarakat sivil terus menyedari bahawa data berbutir, lengkap, terkini dan terbuka, kriteria-kriteria yang sama diperlukan untuk melakukan kewartawanan data secara betul, seringkali tidak tersedia atau bukan percuma. Data yang diterbitkan di laman web kerajaan juga selalunya tidak boleh dibaca oleh mesin dan hanya dicetak dalam bentuk PDF.

## 2. Jenayah harta benda yang dilaporkan kepada polis mengikut jenis, Malaysia, 1999 – 2004

Jenis Jenayah	1999	2000	2001	2002	2003	2004
<b>Jumlah</b>	<b>147,958</b>	<b>145,569</b>	<b>136,079</b>	<b>128,199</b>	<b>133,525</b>	<b>134,596</b>
<b>Pecah rumah dan curi</b>	35,936	32,913	28,452	25,265	25,789	24,904
<b>Siang hari</b>	9,401	8,675	7,449	6,821	6,928	6,550
<b>Malam hari</b>	26,535	24,238	21,003	18,444	18,861	18,354
<b>Kecurian kendaraan</b>	53,069	57,775	60,049	74,891	64,300	65,076
<b>Lori/van</b>	3,485	3,698	4,306	4,570	5,551	4,892
<b>Kereta</b>	6,196	7,278	8,520	8,544	8,537	8,624
<b>Motosikal/skuter</b>	41,905	45,903	47,223	47,137	50,212	51,560
<b>Basikal</b>	1,483	896	-	14,640	-	-
<b>Ragut</b>	-	-	14,368	-	15,798	11,536
<b>Lain-lain kecurian</b>	58,953	54,881	33,210	28,043	27,638	33,080

Kapsyen: Data bukan-mesin yang boleh dibaca sebagai PDF. Jenayah harta benda yang dilaporkan kepada polis mengikut jenis, Malaysia, 1999 -2004. Punca: Polis Diraja Malaysia

Punca : Polis DiRaja Malaysia

Masalah-masalah ini semakin rumit bagi wartawan data kerana data berbutir yang terperinci harus digabungkan bersama data dari sektor lain contohnya tahap pendidikan perlu dikaji bersama demografi tempatan untuk menghasilkan artikel yang lebih bermakna dan berkesan.

Wartawan data Malaysia mengalami ketersediaan data terbuka bermanfaat yang amat terhad. Oleh itu, mereka perlu menggunakan teknik-teknik tambahan untuk mencari dan menjana data yang penting bagi melengkapi artikel-artikel mereka.

## Tiada Hak ke Atas Informasi

Ketersediaan data di Malaysia juga menghadapi beberapa cabaran besar disebabkan oleh kekurangan undang-undang negara yang mementingkan hak ke atas informasi, ini ditambah pula dengan pelbagai undang-undang dan peraturan yang meluaskan sekatan terhadap penerbitan maklumat kerajaan yang boleh menyebabkan pelaku dikenakan hukuman-hukuman yang berat. Ini mewujudkan persekitaran tertutup yang menghadkan akses kepada data dan maklumat, prinsip yang bertentangan dengan matlamat yang ingin dicapai melalui data terbuka.

Akta Rahsia Rasmi 1972 menyediakan kuasa budi bicara yang luas bagi kerajaan dalam penyekatan ketersediaan data. Terma luas yang merangkumi mana-mana dokumen rasmi di samping pemberian kuasa kepada mana-mana pegawai kerajaan memberi kuasa budi bicara yang besar kepada kerajaan untuk mentakrifkan mana-mana dokumen kerajaan termasuk data rasmi sebagai rahsia rasmi, serta membawa bersamanya hukuman sehingga penjara 1 tahun.<sup>7</sup> Ini menyebabkan akta ini disalahgunakan, sehingga mengambil kira dokumen awam yang diterbitkan seperti laporan parlimen atau kertas majlis tempatan di negeri Selangor.<sup>8</sup> Ini telah mewujudkan persekitaran yang berbahaya bagi wartawan-wartawan, kerana mereka menghadapi risiko untuk ditahan hanya kerana menautkan dokumen yang telah dikategorikan sulit.

Pembentangan undang-undang Kebebasan Maklumat peringkat negeri bagi negeri Selangor, adalah satu contoh bagaimana undang-undang hak ke atas informasi boleh memberi kesan positif dalam penyediaan data dan maklumat terbuka kepada umum. Sejak pembentangan enakmen itu, kertas majlis tempatan dan dokumen kerajaan negeri yang lain tidak lagi diklasifikasikan sebagai rahsia rasmi.

*"(1) Sesiapa yang mendedahkan apa-apa maklumat atau perkara yang telah diperolehnya ketika melaksanakan tugasnya atau menjalankan fungsinya di bawah mana-mana undang-undang bertulis hendaklah dihukum denda tidak lebih daripada satu juta Ringgit, atau dipenjarakan selama tempoh yang boleh dilanjutkan sehingga satu tahun, atau dengan kedua-duanya sekali."*

- Kanun Keseksaan Seksyen 203A

## **Lesen/penyekatan berbayar yang menghadkan akses kepada data dan maklumat awam**

—karya penulisan termasuk—

...

*tetapi tidak termasuk teks rasmi Kerajaan atau badan berkanun yang bersifat perundangan atau peraturan, atau keputusan kehakiman, atau ucapan politik dan perbahasan politik, atau ucapan yang disampaikan dalam proses prosiding undang-undang, dan terjemahan rasminya*

*Akta Hak Cipta 1987 Malaysia*

Di samping itu, satu lagi undang-undang, Seksyen Kanun Keseksaan, 203A, boleh mendedahkan pegawai awam kepada risiko untuk didenda RM1 juta atau dipenjara selama setahun atau kedua-duanya sekali, kerana mendedahkan sebarang maklumat atau perkara yang diperolehi mereka semasa bertugas.<sup>10</sup> Undang-undang ini mengenakan sekatan tambahan kepada wartawan yang cuba mendapatkan maklumat atau data melalui penghantaran permintaan, kerana ia boleh membahayakan sumber mereka yang bekerja di dalam sektor kerajaan. Ini telah berlaku kepada wartawan Boo Su Lyn dari Code Blue, yang disoal-siasat oleh polis kerana beliau telah memetik laporan awam kerajaan apabila membuat pendedahan mengenai kebakaran yang berlaku di sebuah hospital.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

- Untuk makluman ahli Yang Berhormat, sehingga Februari 2018, peruntukan yang disalurkan kepada setiap pejabat belia dan sukan daerah bagi tujuan aktiviti dan pembangunan belia di peringkat daerah adalah seperti berikut:

PEJABAT BELIA DAN SUKAN DAERAH (PBSD)	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
<b>JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI KEDAH</b>	
PBSD KOTA SETAR	28,600.00
PBSD KUALA MUDA	28,600.00
PBSD LANGKAWI	28,600.00
PBSD BANDAR BAHRU	28,600.00
PBSD PADANG TERAP	28,600.00
PBSD KULIM	28,600.00
PBSD YAN	28,600.00
PBSD SIK	28,600.00
PBSD POKOK SENAI	28,600.00
PBSD KUBANG PASU	28,600.00
PBSD BALING	28,600.00
PBSD PENDANG	28,600.00



## Kekangan Terhadap Kebebasan Media dan Kebebasan Bersuara

Pada peringkat penerbitan, wartawan di Malaysia juga menghadapi pelbagai cabaran sama ada dari segi undang-undang dan editorial. Kebebasan akhbar telah dikategorikan sebagai situasi yang sukar di sini dan Malaysia telah jatuh 18 tempat di dalam Laporan Kebebasan Akhbar Dunia 2021.<sup>15</sup> Antara undang-undang yang menyekat kerja wartawan termasuklah Akta Hasutan serta Akta Komunikasi dan Multimedia. Kebebasan editorial juga dihadkan oleh media cetak dan televisyen yang dimiliki oleh cabang perniagaan parti politik, ini menyebabkan wartawan terpaksa membuat penapisan sendiri apabila menulis sesbuah artikel<sup>16</sup>

Kes terbaru telah melibatkan pemecatan dua wartawan Australia Al-Jazeera, di samping itu tujuh wartawan juga telah disoal-siasat pada 4 Ogos 2021 kerana membuat laporan mengenai layanan dan keadaan terkini pekerja asing di Malaysia. Malah, seorang pekerja asing yang muncul di dalam laporan tersebut telah ditahan dan dihantar pulang ke negaranya.<sup>17</sup>

Laporan Penilaian Kesediaan Data Terbuka Bank Dunia juga mendapat hasil daripada temu bual yang mereka jalankan, kerajaan Malaysia jarang mengiktiraf media/wartawan sebagai pengguna data terbuka yang berpotensi.<sup>18</sup> Laporan itu juga mengesyorkan bahawa media di atas talian, yang

memiliki lebih banyak kepelbagaiannya berbanding dengan media tradisional, dikatakan lebih sesuai untuk dijadikan tempat titik permulaan bagi penggunaan data yang lagi meluas berbanding yang lain.

## Ketersediaan Data dan Sumber-Sumber

Bahagian ini merangkumi ketersediaan data dan sumber-sumber mengikut sektor. Sila ambil perhatian bahawa disebabkan kekurangan ketersediaan data terbuka secara umum untuk Malaysia, sumber yang ada mungkin tidak konsisten dari segi liputan, butiran dan kualiti.

Memandangkan ketersediaan dan sumber data sentiasa dikemas kini, versi terkini bahagian sumber data tersedia [di atas talian](#).

Oleh kerana data yang didapati adalah terhad, terutamanya butiran data terperinci, wartawan tidak seharusnya mengehadkan pencarian data mereka daripada sumber sektor tertentu sahaja. Data butiran tentang demografi kumpulan Orang Asli misalnya, boleh didapati di dalam laporan penilaian alam sekitar, dan bukannya hanya daripada statistik demografi umum.

Pendekatan yang sama juga boleh diambil dalam usaha mendapatkan data berkaitan Malaysia daripada sumber data antarabangsa seperti [World Bank](#).

# Secara Am

Laman Web Data Terbuka Kerajaan MAMPU

<https://www.data.gov.my/>

Jabatan Statistik Malaysia Data Terbuka

[https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column3/accordion&menu\\_id=aHhRYUpWS3B4VXlYaVBOeUF0WFpWUT09](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column3/accordion&menu_id=aHhRYUpWS3B4VXlYaVBOeUF0WFpWUT09)

MysIDC

Data set utama berdasarkan sektor

<https://mysidc.statistics.gov.my/index.php?lang=en#>

eStatistik

<https://newss.statistics.gov.my>

Lebih 3,400 set data tambahan dalam format boleh dibaca oleh mesin serta dalam bentuk PDF juga boleh diperolehi untuk dimuat turun di <https://newss.statistics.gov.my>. Anda hanya perlu mendaftar akaun secara percuma di atas talian untuk menggunakan laman ini. Fungsi carian untuk set data yang percuma untuk dimuat turun juga boleh didapati di bahagian “Free Download”.



Kapsyen: Set data dan laporan data bagi eStatistik, boleh dijumpai di bahagian Free Download

# Demografik

## Data bancian

Data	Sumber	Nota	
Isi-isi Rumah	<a href="#">Census Data Open Data Portal</a>	Butiran data yang lemah	
Pendidikan	<a href="#">Pendidikan - Clusters - MAMPU</a>	Baik	
Pekerjaan	<a href="#">Census Data Open Data Portal</a>	Baik	
Tempat lahir & Tempat Tinggal	<a href="#">Census Data Open Data Portal</a>	Baik	
Pengagihan Populasi	<a href="#">Census Data Open Data Portal</a>	Baik	

## Maklumat Syarikat

Data	Sumber	Nota	
Pemilikan Bermanfaat	<a href="#">MY-Data SSM</a>	Bayaran diperlukan. Muat turun data secara berkelompok sedang dalam perancangan tetapi buat masa ini belum dapat dilakukan.	
Pendaftaran Syarikat	<a href="#">MY-Data SSM</a>	Bayaran diperlukan. Muat turun data secara berkelompok sedang dalam perancangan tetapi buat masa ini belum dapat dilakukan.	

## Jenayah

Data	Sumber	Nota	
Statistik Jenayah	<a href="#">Parliamentary Documents</a> <a href="#">Department of Statistics Malaysia</a>  <a href="https://www.data.gov.my/data/en_US/group/jenayah">https://www.data.gov.my/data/en_US/group/jenayah</a>	Tiada butiran data. Jumlah tahun yang ada terhad dan beberapa data hanya terdapat dalam format PDF.	

## Pengangkutan

Data	Sumber	Nota	
Jadual Bas	<a href="#">Pengangkutan - Clusters - MAMPU</a>	Tidak komprehensif dan tidak menyenaraikan beberapa syarikat perkhidmatan bas yang lain.  Tiada data berkaitan laluan.	
Sistem Keretapi	<a href="#">Pengangkutan - Clusters - MAMPU</a>	Tidak komprehensif dan tidak menyenaraikan beberapa syarikat perkhidmatan bas yang lain.  Tiada data berkaitan laluan.	

## Data Pilihan Raya dan Perundangan

Data	Sumber	Nota
Keputusan Pilihan Raya	<a href="https://www.data.gov.my/data/ms_MY/organization/election-commission-of-malaysia-spr">https://www.data.gov.my/data/ms_MY/organization/election-commission-of-malaysia-spr</a>	Tiada butiran data dan tidak konsisten. Hanya ada informasi untuk pilihan raya baru-baru ini.
Sempadan Peta	<a href="https://github.com/TindakMalaysia">https://github.com/TindakMalaysia</a>	Data tidak dikemaskinikan.



## Tanah

Data	Sumber	Nota
Pegangan Tanah	<a href="#">Pemilikan Tanah - Clusters - MAMPU</a>	Ketersediaan data yang tidak konsisten.
Penggunaan Tanah Sedia Ada	<a href="#">Pemilikan Tanah - Clusters - MAMPU</a> World Bank <a href="https://data.worldbank.org/indicator/AG.LND.AGRI.ZS?locations=MY">https://data.worldbank.org/indicator/AG.LND.AGRI.ZS?locations=MY</a>  i-Plan Geo Portal <a href="https://iplan.townplan.gov.my/public/geoportal?view=zoning">https://iplan.townplan.gov.my/public/geoportal?view=zoning</a>	Ketersediaan data yang tidak konsisten.



## Integriti Politik

Data	Sumber	Nota
Kewangan Politik	N/A	Tiada
Pengisytiharan Aset	<a href="https://mydeclaration.sprm.gov.my/">https://mydeclaration.sprm.gov.my/</a>	Terhad dan pendapatan bulanan dikira secara agregat sahaja.
Pendaftaran untuk melobi	N/A	Tiada
Data Konsultansi Awam	N/A	Tiada
Prestasi RTI	N/A	Tiada



## Kewangan Awam

Data	Sumber	Nota
Bajet	<a href="#">Bajet - Clusters - MAMPU</a>	Tidak konsisten dan ketersediaan data yang terhad.
Perbelanjaan	<a href="#">Perbelanjaan Kerajaan - Clusters - MAMPU</a>	Tidak konsisten dan ketersediaan data yang terhad.



## Tindakan Iklim dan Alam Sekitar

Data	Sumber	Nota
Emisi	MysDIC <a href="https://mysidc.statistics.gov.my/index.php?lang=en#">https://mysidc.statistics.gov.my/index.php?lang=en#</a> <a href="#">Environment Cluster of Open Data Portal</a>	Butiran data peringkat negara selama beberapa tahun boleh didapati di MysDIC.
Biodiversiti	<a href="#">MEWA Data</a>	Hanya ada senarai projek-projek.
Kelemahan	<a href="#">Perhilitan Data</a> <a href="#">CITES Permit Data</a> <a href="#">Alam Sekitar - Clusters - MAMPU</a>	Tidak konsisten dan ketersediaan data yang terhad.
Perhutanan	MysDIC <a href="https://mysidc.statistics.gov.my/index.php?lang=en#">https://mysidc.statistics.gov.my/index.php?lang=en#</a>  Laporan tahunan	Data peringkat negara mengikut negeri berkaitan liputan hutan selama beberapa tahun boleh didapati di MysDIC.  Laporan tahunan dalam bentuk PDF: <a href="https://www.forestry.gov.my/my-pusat-sumber/penerbitan/laporan-tahunan">https://www.forestry.gov.my/my-pusat-sumber/penerbitan/laporan-tahunan</a>
Kebakaran Hutan	NASA Firms <a href="https://firms.modaps.eosdis.nasa.gov/active_fire/">https://firms.modaps.eosdis.nasa.gov/active_fire/</a>	



### TIP: Data UN COMTRADE

Banyak isu alam sekitar melibatkan perdagangan barang, perkhidmatan dan komoditi. Isu seperti plastik, pembalakan atau hasil perikanan akan melibatkan proses import dan eksport barang tersebut secara langsung atau tidak langsung.

Jika data untuk produk lengkap yang anda cari tidak muncul, cuba dapatkan senarai barang dan perkhidmatan yang digunakan semasa pengeluarannya.

Mula-mula, cari HS Code definition bagi barang tersebut, kemudian buat carian untuk data terbuka terperinci melalui laman web UN Comtrade <https://comtrade.un.org/data>

#### Contoh - *Plastic Waste*

HS Code - 3915

## Kesihatan & Covid 19

Data	Sumber	Nota
Kes-kes, Ujian, Kapasiti Kemudahan Kesihatan, Kematian	<a href="https://github.com/MoH-Malaysia/covid19-public">https://github.com/MoH-Malaysia/covid19-public</a>	Butiran data terperinci sehingga peringkat negeri yang terkini.
Kapasiti Kemudahan Kesihatan Semasa	<a href="https://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/260">https://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/260</a>	Tiada data semasa, hanya secara tahunan.
	<a href="#">Health Cluster Open Data Portal</a>	
Vaksinasi	<a href="https://github.com/CITF-Malaysia/citf-public">https://github.com/CITF-Malaysia/citf-public</a>	Butiran data terperinci sehingga peringkat negeri yang terkini.

## Perdagangan Antarabangsa

Data	Sumber	Nota
Perkhidmatan dan Barang Import dan Eksport	Comtrade <a href="#">Malaysian External Trade Statistics</a>	Butiran data terperinci berkaitan Kod HS yang meliputi tempoh beberapa tahun



# Kajian Kes 1 - Penjejak COVID-19 Kini News Lab

🌐 <https://newslab.malaysiakini.com/covid-19/en>

## Wartawan/Organisasi



**malaysiakini**  
news and views that matter

Malaysiakini (Aidila Razak, Lee Long Hui, Wong Kai Hui, Sean Ho, Thiaga Raj Servai, Hazman Hazwan, Syariman Badrulzaman)

*"Kami telah berjaya mencipta sesuatu yang bermanfaat untuk orang awam ketika ramai masih dibelenggu oleh ketidakpastian, apabila maklumat yang kita perlukan tidak disampaikan oleh pihak berkuasa." - Aidila Razak*

*"Perkara yang sangat mencabar dan menguji minda ketika projek ini adalah apabila kami perlu memilih data yang mana satu harus dikongsi, cara-cara untuk memperoleh data tersebut dan bagaimana untuk mencapai persetujuan sebulat suara semasa membuat perbincangan bersama" - Aidila Razak*

## Penerangan

Projek kewartawanan data oleh Malaysiakini terdiri daripada laman web yang menampilkan *dashboard* yang mempunyai statistik utama berkaitan dengan pandemik COVID-19 di Malaysia (pada peringkat negara, negeri, [daerah dan mukim](#)), informasi mengenai kluster, informasi mengenai pesakit dan kematian, sumber yang membantu orang awam untuk kekal selamat ketika pandemik serta peraturan dan undang-undang bagi *lockdown* dan maklumat lain.

Laman web ini telah diterbitkan di dalam [Bahasa Inggeris](#), [Bahasa Malaysia](#) dan [Bahasa Cina](#), dengan beberapa bahagian penting juga diterbitkan di dalam bahasa [Bengali](#), [Nepali](#) dan [Myanmar](#) untuk memudahkan pemahaman kepada lebih daripada satu juta pekerja migran yang tidak dapat membaca Bahasa Inggeris atau Bahasa Malaysia.

## Cabaran-cabaran

- Perkongsian data tidak konsisten, jabatan kesihatan yang menentukan bagaimana dan bila data boleh dikongsikan, data tidak konsisten untuk setiap negeri
- Tidak diterbitkan di dalam format yang mudah dibaca oleh mesin, tetapi melalui laman web dan media sosial secara infografik dan carta
- Menjadi sumber utama data dan informasi kritikal untuk COVID-19

Sebelum kemunculan data terperinci yang akhirnya dikeluarkan oleh [Kementerian Kesihatan pada 20 Julai 2021](#), Penjejak COVID-19 Kini News Labs bukan sahaja menjadi satu-satunya sumber berpusat bagi data terkumpul utama untuk informasi COVID-19, tetapi ia turut berkongsi informasi am yang lain kepada masyarakat umum seperti perintah kawalan pergerakan dan nombor telefon *hotline* yang boleh dihubungi apabila ingin memperoleh maklumat lanjut ketika pandemik ini berlaku. Laman web ini juga merupakan satu-satunya sumber yang membantu orang awam untuk mengesahkan data yang berkaitan dengan penularan wabak bagi tujuan pengesahan kontak. Pada mulanya, kerajaan Malaysia hanya menyediakan nama kod untuk setiap kluster, ini telah menyebabkan Malaysiakini terpaksa mengesahkan setiap laporan untuk lokasi yang spesifik bagi memastikan hanya data yang betul diterbitkan di laman web tersebut.

Pada masa itu, data yang dikeluarkan oleh kerajaan bukan di dalam format yang boleh dibaca oleh mesin, seringkali data tersebut dikongsi dalam bentuk infografik, dan juga dalam kategori yang tidak konsisten, dalam angka yang tidak konsisten berdasarkan laporan kerajaan negeri yang berbeza-beza serta dikeluarkan pada masa yang tidak teratur. Data terbabit, terutamanya bagi peringkat negeri dan daerah terpaksa diambil daripada beberapa akaun media sosial yang berlainan seperti Facebook dan kemudiannya baru diisi secara manual ke laman web tersebut.

Ada kalanya, pengumuman jumlah kes harian yang sering dikongsi di dalam sidang akhbar akan berjalan dengan lancar untuk dari minggu ke minggu, namun secara tiba-tiba akan terhenti dan hanya muncul dan disambungkan semula selepas tiada pengumuman untuk beberapa hari, kadang-kadang tanpa menyenaraikan kategori-kategori tertentu. Data vaksinasi pula dikeluarkan oleh Kementerian yang lain, kerana Kementerian Sains dan Teknologi, yang bertanggungjawab untuk mengurus proses vaksinasi dan bukan di bawah Kementerian Kesihatan.

Salah satu cabaran terbesar bagi projek ini adalah semasa proses pengumpulan data, penjejak ini menjadi sumber utama bagi data dan informasi yang sah untuk COVID-19 untuk negara. Laman web ini telah bertukar daripada laman web kewartawanan data dan akhirnya menjadi portal kesihatan umum. Ini telah menyebabkan orang-orang awam berharap bahawa laman ini sentiasa menyediakan data yang tepat, sah dan terkini

berkaitan COVID-19. Ini telah mengakibatkan beberapa bahagian laman ini, seperti bahagian yang menyediakan informasi tempatan berdasarkan daerah negeri terpaksa dihentikan<sup>19</sup>. Namun, beberapa data dan carta di sini masih dikendalikan oleh para wartawan.

## Metodologi dan Impak

- Mengumpul data merentasi beberapa sumber berlainan ke dalam satu spreadsheet Google
- Data berstruktur disediakan di dalam carta semasa yang jelas, memudahkan pihak awam untuk memahami dan menjelaki keadaan COVID-19 di Malaysia yang boleh diperolehi di satu tempat
- Data yang diperlukan bagi laman web dan untuk membuat setiap laporan telah membantu para wartawan untuk memastikan kerajaan dipertanggungjawabkan dalam penyediaan informasi yang konsisten, terperinci, tepat dan teratur
- Data yang terkumpul dijadikan sumber data yang bernilai bagi golongan penggubal dasar dan penyelidik

Untuk membangunkan laman web kewartawanan data yang lengkap dengan informasi dan visualisasi terperinci, pasukan Kinilabs telah mengumpul, mengesahkan dan mengisi data secara kolaboratif melalui kaedah manual menggunakan beberapa sumber berlainan ke dalam satu *spreadsheet Google*.

Dengan data yang tidak konsisten yang disediakan di dalam bentuk carta dan imej daripada kerajaan, Kinilabs telah tampil ke hadapan dengan menyediakan petunjuk dan maklumat penting yang terkini, secara konsisten dan jelas kepada orang ramai. Mengesan dan mengemas kini data setiap hari juga membolehkan wartawan Malaysiakini untuk mempertanggungjawabkan kerajaan bagi mendapatkan penjelasan apabila data yang disediakan tidak dikemaskini atau tidak konsisten

Data yang dijanakan juga amat berguna bagi pihak lain seperti kerajaan negeri dan ahli akademik. Kerajaan Negeri Selangor menggunakan data yang tersedia untuk lokasi-lokasi yang terjejas oleh Covid-19 setiap hari, ini membantu pemantauan mereka terhadap penularan wabak di peringkat tempatan serta melancarkan lagi strategi pencegahan dan pembendungan mereka. Data ini tidak dikongsi oleh Kerajaan Persekutuan, oleh itu, kerajaan negeri terpaksa bergantung kepada data lain yang tersedia

seperti data yang diperolehi daripada KiniLabs. Data tersebut juga amat berguna bagi para penyelidik akademik.

Projek ini telah dipilih sebagai finalis bagi [2021 Sigma Awards for Data Journalism<sup>21</sup>](#).

Kerajaan Malaysia lambat laun akhirnya telah menerbitkan data terbuka yang berstruktur dan terperinci<sup>22</sup>, berkaitan COVID-19 pada 20 Julai 2021<sup>23</sup> setelah lebih setahun KiniLabs melancarkan laman Penjejak COVID-19 pada Mac 2020. Dengan kewujudan butiran data terbuka dan papan pemuka laman web<sup>24</sup> terperinci daripada kerajaan, laman Penjejak COVID-19 Malaysiakini telah bersara pada September 2021 setelah berjaya menyediakan informasi penting kepada masyarakat umum semasa krisis kesihatan berlaku di samping menerajui perubahan untuk penyediaan informasi menerusi data di sektor kerajaan.

## Sumber-sumber Data / Data yang Dijanakan

- <https://covid-19.moh.gov.my/>
- <https://www.facebook.com/kementeriankesihatanmalaysia/posts/10157672322256237>
- Data yang dijanakan oleh KiniLabs bagi projek ini boleh didapati dengan menghantar permintaan anda ke [newslab@malaysiakini.com](mailto:newslab@malaysiakini.com)



## Kajian Kes 2 - Perkahwinan Bawah Umur di Malaysia

- [Tiga Perkara Mengenai: Perkahwinan Bawah Umur di Malaysia](#)
- [Kementerian: 543 pernikahan bawah umur, termasuk aplikasi, di Malaysia dari Jan-Sept 2020](#)

### Wartawan/Organisasi

**malaymail**

Ida Lim,  
Malay Mail

“ Salah satu cara terbaik untuk memulakan penceritaan berdasarkan data adalah melalui Google untuk mengetahui data apa yang sudah ada di luar sana, dan juga untuk mencari sumber-sumber yang sesuai bagi data yang diingini. Tetapi, amatlah penting untuk kembali dan merujuk balik kepada sumber primer, dan terus memeriksa dan membuat pengesahan lanjut, jika perlu. Contohnya, laporan berita yang memetik statistik kerajaan yang telah disebut di Parlimen mengandungi maklumat yang bercanggah, pemeriksaan di Hansard Dewan Rakyat (sumber primer) menunjukkan bahawa jumlah perkahwinan bawah umur bagi golongan bukan Islam adalah (2,725) bagi 2010-2015. Namun, setelah saya merujuk kepada Jabatan Timbalan Menteri yang betul, angka tepat 2,775 telah diberi dan disahkan oleh mereka.”  
- Ida Lim


“Ada kalanya amatlah mencabar untuk memperolehi data rasmi yang tepat dan bermakna, terutamanya apabila kita perlu data yang mempunyai butiran terperinci, menggunakan akses yang mudah dan diperolehi secara konsisten. Walaupun pencarian ini mencabar, data yang berguna kepada masyarakat umum masih boleh dijumpai semasa proses pencarian.” - Ida Lim

### Penerangan

Laporan berita yang meliputi isu-isu perkahwinan bawah umur di Malaysia, menggunakan data yang disampaikan melalui infografik dan carta bersama definisi perundangan dan statistik bagi perkahwinan bawah umur.

### Cabaran-cabaran

- Data terperinci dan butiran data yang terhad bagi perkahwinan bawah umur
- Keperluan perundangan dan sumber data berbeza bagi perkahwinan Islam dan Bukan Islam



**Graphic: Child Marriages in Malaysia (2010-2015)**

Source: JKSM and NRD figures from Deputy Women Minister Datuk Azizah Mohd Dun's parliamentary reply, May 19, 2016 (Hansard)

Graphic: themalaymailonline.com

Terdapat kempen-kempen yang terus menerus menuntut untuk melarang perkahwinan bawah umur daripada berlaku, yang setakat ini masih dianggap sah di Malaysia. Perkahwinan di Malaysia ditadbir di bawah dua sistem undang-undang yang berbeza, perundangan Syariah untuk orang Islam dan Jabatan Pendaftaran Negara untuk orang bukan Islam. Isu berkaitan kaum dan agama sering dianggap sebagai sensitif di Malaysia, ini mengakibatkan penapisan sering berlaku semasa penyediaan data dan juga apabila isu ini dibincangkan.

ni dirumitkan lagi oleh perundangan Syariah yang menggunakan undang-undang berbeza bagi setiap negeri di Malaysia, yang diuruskan di bawah bidang kuasa agensi Islam kerajaan negeri.

Kekurangan butiran data telah menimbulkan kesukaran untuk menyediakan gambaran penuh situasi perkahwinan bawah umur di Malaysia. Contohnya, data daripada Jabatan Statistik Malaysia untuk status perkahwinan dikategorikan menggunakan rangkaian umur (10-14, 15-19) dan bukannya secara individu (16,17,18). Ini bermakna data tersebut tidak boleh dianalisis atau dikongsikan secara berkesan bagi menunjuk perkahwinan bawah umur bagi pengantin berumur 18 tahun ke bawah, atau berumur 16 tahun ke bawah. Data yang tidak konsisten juga boleh menimbulkan masalah, ini jelas terbukti melalui anomali yang berlaku pada 2010. Data bagi status perkahwinan bawah umur untuk pengantin yang berlingkungan umur 10-14 telah direkodkan sebagai Tidak Pernah Kahwin untuk tahun tersebut, ini tidak konsisten apabila dibandingkan dengan tahun-tahun yang lain.

Oleh itu, mencari data bukan sahaja mencabar, tetapi proses penggabungan data juga amat sukar untuk dilakukan. Kekurangan data telah dipetik oleh UNICEF sebagai salah satu daripada enam faktor yang menyebabkan perkahwinan bawah umur masih berterusan di Malaysia.<sup>25</sup>

## Metodologi dan Impak

 Mendefinisikan definisi perundangan dan prosedur



Mencari data demografi dari sumber-sumber antarabangsa



Mencari dan mengekstrak data dari maklum balas parlimen

Penceritaan ini bermula melalui penyelidikan mengenai definisi dan terma perundangan yang jelas berkaitan data yang laporkan. Penjelasan bagi terma kemudiannya akan menentukan sumber mana yang berpotensi



## TIP: Cari data di dalam Dokumen-dokumen Parlimen

Dengan terdapatnya beribu-ribu jawapan yang terdapat di dalam Projek Sinar, untuk laman web Dokumen-dokumen Parlimen, cuba gunakan kata kunci tambahan seperti **jumlah** dan **statistik** untuk memperoleh peluang yang lebih tinggi untuk mencari jawapan yang dilengkapkan dengan data atau jadual (*table*).

untuk menyediakan data Perkahwinan Bawah Umur dan meneliti bahagian mana yang didapati tidak konsisten. Ini akan membantu mendefinisikan satu standard yang boleh digunakan apabila menggabungkan data daripada beberapa sumber berlainan, atau apabila ia tidak mampu berlaku. Apabila data tidak dapat dijumpai, terutamanya untuk topik yang tidak biasa dilaporkan, laporan pengenalan yang berinformasi berkaitan isu ini juga dianggap sama penting dengan informasi yang diambil dari data yang dijumpai.

Dengan ketersediaan data terbuka yang terhad, pelbagai sumber data telah digunakan untuk menyediakan konteks, bagi mengetahui jumlah keseluruhan perkahwinan bawah umur di Malaysia. Ini termasuk data bancian, data yang disediakan oleh organisasi-organisasi antarabangsa seperti Bahagian Populasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan maklum balas parlimen.

## Sumber Data / Data yang Dijana

- Maklum Balas Parlimen  
<https://pardocs.sinarproject.org/documents/2019-march-april-parliamentary-session/oral-questions-soalan-lisan/2019-03-13-parliamentary-replies/par14p2m1-soalan-lisan-36.pdf/view>
- Data Bancian 2010 <https://www.mycensus.gov.my/index.php/census-product/publication/census-2010>
- [World Marriage Data](#) (Bahagian Populasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu)

# Kajian Kes 3 - Menilai Pengurusan Hutan di Semenanjung Malaysia

<https://www.macaranga.org/data-story-peninsular-malaysia-forestry/>

## Wartawan/Organisasi



Macaranga

L-R: YH Law, SL Wong bagi Macaranga

*"Paling mencabar adalah untuk memperoleh peta hutan simpan yang tepat dan terkini. Sehingga sekarang, saya masih belum dapat menjumpainya. Jabatan Perhutanan tidak memberikannya kepada saya dengan alasan bahawa peta tersebut adalah "sulit", salinan asal yang tercetak di dalam laporan-laporan yang ada tidak dapat dicetak secara digital kerana garis bentuknya adalah sangat kabur." - Yao-Hua Law*


*"Terdapat dua sumber bagi data rasmi untuk laporan ini (perubahan keluasan kawasan hutan simpan) - warta-warta negeri dan laporan-laporan perhutanan.*

*Yang menggejarkan, jumlah perubahan bagi kawasan hutan simpan adalah berbeza bagi laporan perhutanan dan warta negeri. Kedua-duanya adalah tidak sama.*

*Kerana perubahan hanya dikirakan secara rasmi setelah ia diterbitkan di dalam warta-warta, kita harus menggunakan warta sebagai sumber rasmi dan utama bagi data ini. Tetapi, untuk membaca warta-warta negeri ini, anda perlu membayar yuran langganan digital, data yang tersedia juga hanya bermula dari 2001 ke atas.*

*Dan warta negeri boleh memasukkan perubahan yang berlaku di masa lalu bagi hutan simpan mereka di dalam warta tahun yang baru - Kelantan misalnya telah menerbitkan warta pada tahun 2010 dengan pengumuman bahawa perubahan hutan simpan telah berkuat kuasa sejak 2003!*

*Untuk memastikan maklumat yang diperolehi adalah setepat mungkin, seseorang itu perlu membayar untuk melihat warta-warta, kemudian anda juga mesti menyemak setiap catatan yang berkaitan dengan perhutanan secara terperinci" - Yao-Hua Law*



## Penerangan

Menggunakan bincian interaktif dan visualisasi data untuk menerangkan dengan terperinci keadaan terkini Pengurusan Hutan di Malaysia. Kes ini melibatkan beberapa aspek di dalam pengurusan hutan, termasuk jumlah kawasan yang menerima litupan hutan primer, serta data ekonomik seperti pendapatan dan hasil pembalakan. Data dan dokumen-dokumen yang terhasil daripada projek ini kemudiannya diterbitkan sebagai data terbuka bagi kegunaan wartawan-wartawan dan penyelidik-penyalidik yang lain.

## Cabar-cabaran

- Kekurangan data terbuka mengenai status dan jenis hutan simpan
- Kekurangan data terbuka bagi peta hutan simpan dan jenis hutan simpan

Ketersediaan data mengenai status dan jumlah keluasan hutan simpan di Malaysia adalah terhad, hanya jumlah agregat mengikut negara dan negeri yang boleh didapati. Hutan simpan yang telah dinyahwartakan mungkin diganti dengan pewartaan hutan simpan di kawasan lain, ini

menyukarkan proses pengesahan untuk memastikan perubahan nilai hutan simpan kekal yang ada sama dengan jumlah rasmi kerana data yang diperlukan tiada.



Peta digital rasmi untuk hutan simpan juga tidak dapat diperolehi.

## Metodologi dan Teknik-teknik

- Mengeksploraskan jenis-jenis data berlainan bagi tujuan pentadbiran hutan
- Menggunakan data satelit untuk mengesahkan penggunaan tanah dan liputan hutan
- Mengekstrakkan data berkaitan hutan simpan/penggunaan tanah daripada Warta-warta Negeri
- Mengambil data dari organisasi-organisasi masyarakat sivil

Macaranga bermula dengan mendefinisikan beberapa kriteria yang diperlukan bagi mengukur tahap pengurusan hutan, dan kemudiannya mencuba untuk mencari data bagi setiap kriteria:

- Keluasan hutan simpan kekal
- Perubahan keluasan kawasan hutan simpan



Kapsyen: Warta Rasmi bagi jumlah keluasan bagi hutan simpan

- Pendapatan Perhutanan
- Hasil Pembalakan
- Litupan hutan primer

Data bagi keluasan menyeluruh hutan simpan kekal dan pendapatan yang diperolehi, boleh dijumpai dan diekstrakkan daripada laporan tahunan Jabatan Perhutanan. Untuk memvisualisasikan litupan hutan tanpa data dari peta rasmi, Macaranga telah menggunakan data dari peta yang dijana oleh persatuan masyarakat sivil, [Hutan Watch](#) yang telah mencipta *shapefiles* secara manual melalui beberapa sumber berlainan. Manakala, peta dan data untuk litupan hutan primer pula telah diambil dari *Global Forest Watch*.


Bagi mengira perubahan nyata yang terjadi kepada setiap hutan simpan, penambahan dan penolakan bagi hutan simpan yang telah ditetapkan sebenarnya boleh dijumpai di dalam Warta-warta Negeri. Informasi ini telah tersembunyi di kalangan beribu-ribu dokumen PDF domain awam, dan hanya dapat dicapai menerusi satu *paywall*. Walaupun terpaksa melalui cabaran ini, data hutan simpan selama 20 tahun tetap berjaya diekstrak dan ditabulasikan untuk menjana data

yang boleh mengesan perubahan yang berlaku di setiap negeri.

Melalui amalan kewartawan yang terbaik, Macaranga telah berjaya menerbitkan dokumen-dokumen sumber dan data yang diekstrak daripada PDF yang tercetak di dalam laporan tahunan serta warta-warta sebagai data terbuka. Ini bukan sahaja menyediakan cara yang sesuai bagi pembaca untuk mengesahkan artikel yang berasaskan data dan visualisasi, malahan Macaranga juga telah berkongsi data perhutanan yang baru dan sukar didapati kepada para wartawan dan penyelidik bagi membantu mereka menjana lebih banyak lagi artikel yang berasaskan data.

## Sumber Data / Data yang Dijana

- [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia - Laporan Tahunan](#)
- [Hutan Watch](#)
- [Warta Negeri](#)
- [Kompendium bagi Statistik Persekutuan, Jabatan Statistik Malaysia](#)
- [Global Forest Watch](#)
- Data yang tersedia daripada projek ini <https://www.macaranga.org/forestry-data-peninsular-malaysia>



# Kajian Kes 4 - Individu yang Terdedah Secara Politikal, Pengkontrakan


## Wartawan/Organisasi



**SinarProject**  
hacking democracy

L-R: Khairil Yusof, Ng Swee Meng, Sinar Project

*“Di dalam persekitaran yang tersekat, ketersediaan data adalah terhad dan masyarakat sivil dan para wartawan juga tidak mempunyai sumber yang banyak untuk memperoleh data. Pengenalan standard data terbuka turut membuka peluang bagi kolaborasi berlaku kerana data yang dahulunya sukar didapati kini sudah tersedia untuk kegunaan wartawan-wartawan.” - Khairil Yusof, Sinar Project*



## Penerangan

Penggunaan standard data terbuka untuk mengumpul data daripada informasi umum dan laporan media mengenai individu yang terdedah secara politikal, jawatan yang dipegang, hubungan dan minat untuk menyiasat kemungkinan wujudnya jenayah rasuah dan konflik berkepentingan.

## Cabarancabaran

- Tiada data mengenai integriti politikal seperti deklarasi aset atau pembiayaan politikal
- Tiada data mengenai individu-individu yang terdedah secara politikal dan hubungan mereka
- Data mengenai perolehan dan konflik kepentingan yang terhad
- Kesukaran mencari dan menggabung data berfragmen dan informasi daripada sumber-sumber berbeza
- Sumber data yang seringkali sukar untuk diakses atau telah diturunkan

Setiap hari terdapat laporan media yang menyentuh mengenai jenayah rasuah, konflik kepentingan dan pentadbiran yang lemah di Malaysia. Walaupun terdapat buku-buku dan penyelidikan berkaitan sejauh mana penglibatan ahli-ahli politik di dalam isu ini, perkara ini belum direkodkan sebagai data. Usaha bersama


untuk merekodkan rangkaian ini sebagai data telah diperkenalkan melalui kerja-kerja dari Projek Sinar yang telah menggabungkan data pilihan raya, kontrak pembinaan dan laporan media di dalam kajian mereka.<sup>26</sup> Data mengenai ahli-ahli politik dan jawatan-jawatan di dalam syarikat berkaitan kerajaan (GLC) oleh Terence Gomez, Thirshalar Padmanabhan, Norfaryanti Kamaruddin, Sunil Bhalla, telah dijadikan salah satu isi kandungan untuk publikasi mereka, “Minister of Finance Incorporated: Ownership and Control of Corporate Malaysia”<sup>27</sup>.

Pelbagai usaha untuk mengumpul informasi telah dilakukan oleh beberapa pihak, namun usaha mereka tidak direkodkan sebagai data yang konsisten dan boleh diterbitkan. Walaupun usaha ini menghasilkan informasi yang banyak, tetapi data yang diperolehi berfragmen dan sering hilang atau sudah lapuk. Tambahan pula, data penting seperti tarikh spesifik mengenai jawatan yang dipegang oleh individu yang terdedah bersifat politik dan sumber data yang disahkan juga tidak dijumpai, menyebabkannya sukar atau hampir mustahil untuk menggunakan data yang ada dalam artikel yang ingin diterbit.

## Metodologi dan Teknik-Teknik

- Penggunaan standard data terbuka seperti Popolo-spec, Open contracting, Beneficial Ownership, CoST untuk menstrukturkan data yang dikumpul dan disimpan.
- Membangunkan sistem pengurusan kandungan sumber terbuka untuk membolehkan penjejakan dan penyimpanan pelbagai sumber data serta membantu penerbitan data.
- Bekerja bersama para wartawan untuk memastikan integriti editorial untuk data terkumpul terjaga.
- Menggunakan data yang digabung dan dihubungkan untuk menyiasat konflik berkepentingan.

Bagi mencipta struktur data yang direka dengan baik dan lengkap yang bertujuan untuk menggabungkan informasi yang berfragmen, standard data terbuka telah digunakan sebagai template asas bagi *spreadsheet* dan pangkalan data. Standard-standard ini memiliki sumber yang jelas dan input daripada pakar semasa



Kapsyen: Aplikasi Pendekatan Politikus Untuk Kenya Unmasked, Nation Media

pembangunannya. Menggunakan standard ini di dalam kewartawanan data bermakna data yang dikumpul boleh dijadikan lebih berstruktur, juga diguna pakai untuk pelbagai aplikasi serta mempunyai input daripada pihak berkepentingan di arena antarabangsa, di samping disokong secara teknikal oleh organisasi yang telah mencipta standard-standard ini.
